

TAWARAN BIASISWA SUKAN PERSEKUTUAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Terbuka kepada atlet yang akan/sedang menyambung pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda Pertama di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia dan **masih bergiat aktif** dalam bidang sukan, sekurang-kurangnya mewakili IPT Malaysia ke Sukan Universiti ASEAN (AUG) atau mewakili Negeri dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) atau Kejohanan Kebangsaan yang diiktiraf.
2. Umur pemohon pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:
 - i. **tidak melebihi 25 tahun** bagi pengajian peringkat **Diploma secara sepenuh masa**; atau
 - ii. **tidak melebihi 30 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Sarjana Muda Pertama secara sepenuh masa**.
3. Telah mendapat surat tawaran pengajian bagi pelajar baharu pengajian **secara sepenuh masa** di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pertama mengikut tempoh pengajian yang ditawarkan oleh IPT berkenaan. Sekiranya sedang mengikuti pengajian, pemohon perlulah:
 - i. mendapat keputusan akademik sekurang-kurangnya **PNGK 2.50 bagi Atlet IPT** atau **PNGK 2.00 bagi Atlet Negara** pada semester terkini sebelum tarikh tutup permohonan; dan
 - ii. memiliki tempoh baki pengajian **sekurang-kurangnya 1 tahun akademik (2 atau 3 semester mengikut sistem kalendar akademik IPT berkenaan) atau lebih yang bukan dalam tempoh pelanjutan**.
4. **IPT tempatan sahaja** serta **bidang pengajian** yang mempunyai pengiktirafan **Agensi Kelayakan Malaysia/Malaysia Qualification Agency**.
5. **Tidak menerima** sebarang tajaan/biasiswa daripada mana-mana institusi/agensi kerajaan/swasta yang lain.
6. Sihat daripada segi mental dan fizikal.

7. Berkelakuan baik (*good-character*) dan mempunyai minat serta semangat yang tinggi.
8. Pemohon hendaklah bersedia untuk terus giat dalam latihan dan pertandingan-pertandingan sukan pilihannya dan mengekalkan prestasi sepanjang tempoh pengajiannya sebagai syarat menerima biasiswa ini serta dikehendaki mewakili negara dalam mana-mana pertandingan di peringkat Kebangsaan/Antarabangsa sekiranya diperlukan.
9. Atlet Negara yang memohon biasiswa ini **perlu melampirkan surat pengesahan daripada Majlis Sukan Negara.**

Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) di e-Biasiswa @ www.kbs.gov.my Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: **Tel: 03-8871 3548/3546.**
Tarikh permohonan : **15 hingga 30 April 2022**

